

Pendayung Terengganu perbaharui rekod kebangsaan

HARI pertama acara kanu pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) Perlis ke-17 kali ini menyaksikan satu rekod kebangsaan berjaya dileburkan dalam saingan 1,000 meter kategori K2 (berpasangan) wanita.

Atlet berpasangan wanita Terengganu, Akmal Idayu Mat Razik dan Fatin Ajerah Wahab mengungguli acara itu selepas mencatatkan masa 4 minit 34.32 saat, sekali gus memadam rekod kebangsaan dan Sukma terdahulu, 4:37.80s yang diraih Johor pada Sukma 2000 di Pulau Pinang.

Fatin, 20, mengangap kerja keras dan latihan awal yang dilakukan sejak setahun lalu berjaya membuahkan hasil yang cukup lumayan.

"Ini adalah kali pertama kami menyertai Sukma tetapi kami telah lakukan persiapan awal bermula dari tahun lalu lagi.

"Agak sukar sebenarnya untuk mendapatkan keseimbangan dengan kawasan air dan keadaan angin, lebih-lebih lagi badan saya ringan.

"Memang gembira dengan kejayaan ini dan kami langsung tidak men-



FATIN (depan) dan Akmal Idayu kelihatan gembira selepas berjaya pecah rekod kebangsaan dan Sukma dalam acara kanu 1,000 meter kategori K2 berpasangan wanita semalam.

jangkakan dapat memperbaharui rekod kebangsaan," kata Fatin kepada pemberita semalam.

Pingat perak pula berjaya menjadi milik kontinjen Wilayah Persekutuan menerusi Aimi 'Ayuni Azwan dan Aisyah Farhanan Azwan dengan catatan masa 4:49.92s, manakala Nur Aisyah Ahmad Hassan Alias dan Salsiah Abd. Hamid menghadihkan pingat gangsa ke-

pada tuan rumah, Perlis dengan catatan masa 5:00.71s. Sementara itu, Terengganu membuktikan kuasa beliau dalam sukan tersebut apabila turut membolot empat lagi emas daripada enam hari pertama itu.

Terdahulu, Terengganu meraih emas pertama dalam acara 1000 meter K1 (individu) wanita dengan

catatan masa 5 minit 7.71 saat, manakala tiga lagi pingat emas kontinjen Terengganu itu hadir menerusi acara 1,000m kategori K2 lelaki dan K4 (kuartet) lelaki dan wanita.

Bagaimanapun, kejayaan itu sedikit tercalar apabila atlet Wilayah Persekutuan, Mohd. Khairulniza Salleh berjaya 'mencuri' pingat emas dalam acara 1,000m K1 lelaki dengan catatan masa 4:31.20s.